

25 JAN 2002
Najib-Somalia
DOKUMENTASI MALBATT DI SOMALIA AKAN DIKELUARKAN

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Kementerian Pertahanan akan mengeluarkan dokumentasi berkenaan penglibatan tentera Malaysia dalam operasi menyelamatkan anggota tentera Amerika Syarikat yang terperangkap di Somalia dalam satu insiden pada 1993.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dokumentasi itu dijangka dapat membetulkan salah anggap pihak tertentu terhadap peranan anggota tentera negara ketika menyelamatkan tentera Amerika yang dikepung kumpulan Jeneral Farah Aidid di Mogadishu.

"Jadi bila ada fakta kejadian di Mogadishu ini nanti, saya percaya ia boleh membetulkan salah anggap pihak tertentu tidak kira sama ada buku atau filem Black Hawk Down," katanya pada sidang media selepas melancarkan logo Konvensyen dan Ekspo Perniagaan 2002 di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai filem "Black Hawk Down" yang menidakan pengorbanan anggota tentera Malaysia ketika menyelamatkan 75 anggota tentera Amerika yang terperangkap setelah dua helikopter Black Hawk yang ditugaskan mengambil tentera negara berkenaan ketika memburu Aidid, ditembak pada 3 Okt 1993.

Selain itu laporan sebuah akhbar di Singapura yang merujuk kepada filem berkenaan mendakwa anggota tentera negara tidak cukup terlatih dan cuba melarikan diri ketika kejadian itu.

Kejadian itu mengorbankan seorang anggota Kontinjen Malaysia (Malbatt) Koperal Mat Aznan Awang, selain 18 anggota tentera Amerika.

Dalam kejadian itu 113 anggota Malbatt yang berkhidmat di bawah panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Somalia diminta membawa anggota tentera Amerika yang dikepung itu keluar dari kawasan pertempuran.

Najib berkata, beliau telah meminta bekas Timbalan Komander Malbatt di Somalia, Kolonel Mohd Rozi Baharum untuk menyediakan laporan terperinci mengenai peranan anggota Malbatt yang terlibat dengan operasi itu.

Filem Black Hawk Down kini ditayangkan di seluruh dunia sejak 18 Jan lepas, dan diarahkan pengarah filem Hollywood, Ridley Scott, berdasarkan buku karya Mark Bowden yang menggunakan tajuk yang sama.

Sementara itu Konvensyen dan Ekspo Perniagaan 2002 anjuran Dewan Perniagaan Bekas Tentera Malaysia dan Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia, akan diadakan dari 18 hingga 21 April depan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dan akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai penglibatan bekas anggota tentera dalam perniagaan, Najib berkata, sebanyak 19 bekas anggota tentera telah diterima mengikuti program Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (Prosper) dan 30 lagi permohonan untuk menyertai program itu akan diberi kelulusan tidak lama lagi.

-- BERNAMA
RZS HS PR